

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini menyediakan beberapa maklumat penting mengenai insurans Semua Risiko Pendirian anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

Tarikh: dd.mm.yyyy

1 Apakah itu insurans Semua Risiko Pendirian?

Polisi Semua Risiko Pendirian ini direka untuk memenuhi keperluan insurans ditetapkan kepada kontraktor di bawah syarat kontrak. Polisi ini melindungi perjalanan kerja berkaitan dengan kontrak, kerja-kerja sementara, bahan-bahan, peralatan jentera yang digunakan ditapak binaan dan liabiliti yang terbit semasa perlaksanaan kontrak tersebut. Dengan tambahan premium, perlindungan polisi boleh diperluaskan meliputi kerja-kerja kejuruteraan sivil, kerja-kerja pendirian, pembuangan puing, fi professional dan harta berlokasi di premis prinsipal, tertakluk kepada terma dan syarat polisi..

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, untuk RM1,000.00 (setahun), anda akan menerima menerima perlindungan seperti berikut:

Polisi ini melindungi:	Polisi ini tidak melindungi:
Bahagian 1 - Kerosakan Bahan Bahagian ini menyediakan perlindungan kepada sebarang kemungkinan kerugian fizikal atau kerosakan pada jentera yang diinsuranskan yang timbul daripada sebarang sebab yang tidak dikecualikan secara khusus, yang memerlukan pembaikan atau penggantian, sehingga jumlah yang diinsuranskan, termasuk penyingkiran serpihan jika diinsurans secara berasingan, semasa tempoh insurans. Bahagian 2 - Liabiliti Pihak Ketiga Bahagian ini menyediakan perlindungan liabiliti pihak ketiga yang mana kami akan bertanggungjawab mengikut undang-undang untuk membayar pampasan akibat: (i) Kecelakaan badan yang tidak disengajakan atau penyakit kepada pihak ketiga (ii) Kehilangan atau kerosakan yang tidak disengajakan pada harta kepunyaan pihak ketiga.	- Kerugian, kerosakan atau liabiliti disebabkan oleh atau yang timbul akibat: - Perang, peperangan saudara dan sebarang perlakuan keganasan; - Tindak balas nuclear, sinaran nuclear atau pencemaran radioaktif; - Perbuatan yang disengajakan atau kecuaiian yang disengajakan; - Kerugian atau kerosakan secara langsung akibat gangguan berterusan semasa beroperasi (kehausan dan keusangan); - Kesilapaan rekaan, kerosakan bahan atau acuan dan/atau hasil kerja tidak memuaskan; - Kerugian atau kerosakan ke atas perkakasan boleh bertukar, pemangkin; dan - Sebarang jenis atau bentuk kerugian turutan, termasuk penalti, kerugian disebabkan kelewatan, prestasi tidak memuaskan, kehilangan kontrak.
Tempoh perlindungan adalah berpadanan dengan tempoh perjanjian yang mana dinyatakan di dalam Surat Penganugerahan.	
Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi anda untuk butiran lengkap mengenai apa yang dilindungi dan tidak dilindungi.	

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai Insurans Semua Risiko Pendirian, anda boleh:



Hubungi kami di
1 300 22 5542



Lawati kami di
allianz.com.my/erection-all-risks-insurance



Emel kami di
customer.service@allianz.com.my



Imbas kod QR
diatas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada perlindungan dan keperluan pengunderaitan Allianz.

Untuk insurans ini, bagi jumlah yang diinsuranskan RM1,000,000.00 untuk kerja - kerja bangunan dengan kadar premium 0.10%, anda perlu membayar premium sebanyak:

Perlindungan Asas	Nilai Kontrak x kadar premium = Premium RM1,000,000.00 x 0.10% = RM1,000.00
Jumlah premium yang anda perlu bayar ialah	RM1,000.00 (setahun)
Di mana ini termasuk:	
Komisen dibayar kepada perantara insurans (jika ada)	15% daripada premium atau RM150.00
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Duti setem	RM10.00
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM80.00
Note: Amaun Cukai Perkhidmatan ("CP") di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.	

4 Maklumat Penting Yang Anda Patut Tahu

- Kewajipan penzahiran pra-kontrak (menurut Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013):
 - Sekiranya anda memohon insurans berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mesti mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui adalah berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan.
 - Sekiranya anda memohon insurans bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mesti mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan kami dan mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui adalah berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai.
 - Jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.
 - Jika sebarang maklumat yang telah diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah selepas kontrak insuran dibuat, diubah atau diperbaharui oleh Allianz, anda mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada Allianz dengan segera.
- Sebarang lanjutan tempoh kontrak akan dipertimbangkan tertakluk kepada pemberitahuan awal kepada pihak kami melalui pengisytiharan dan menyerahkan dokumen tambahan.
- Anda mestilah memastikan jumlah yang anda insuranskan tercatat di dalam jadual tidak kurang dari:
 - (a) nilai penuh bagi kerja-kerja pembinaan apabila selesai pembinaan kontrak, termasuk pengangkutan, duti kastam, yuran dan kos pembinaan. Anda juga mesti menambah atau mengurangkan jumlah diinsuranskan jika terdapat turun naik yang ketara dalam gaji atau harga, tertakluk kepada perubahan tersebut direkodkan oleh Allianz; dan
 - (b) nilai penggantian daripada pembinaan, loji dan jentera (jika ada)
- Sekiranya jumlah yang telah diinsuranskan kurang daripada jumlah yang diperlukan untuk diinsuranskan pada ketika kerugian (contohnya di bawah insurans), anda dianggap menanggung sendiri terhadap perbezaannya. Syarat purata akan diambil kira didalam kendalian tuntutan. Setiap perkara jika melebihi dari satu seharusnya tertakluk dengan syarat ini secara berasingan.
- Syarat sumbangan – sekiranya pada masa apa-apa tuntutan yang timbul terbit di bawah polisi ini terdapat mana-mana insurans yang serupa terhadap kehilangan, kerosakan dan liabiliti, maka kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar atau menyumbangkan lebih banyak daripada kadar sepatutnya bahagian keadaan mana-mana tuntutan ke atas kerosakan atau liabiliti.



Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Tiada peruntukan untuk pembatalan polisi di bawah terma dan syarat produk ini.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/01/2026.